





Baca petikan. Jawab soalan di bawah. SP7.1.4 TP4

Magnet mempunyai dua kutub, iaitu Selatan (S) dan Utara (U). Jika dua magnet yang berlainan diletakkan bersama, magnet-magnet tersebut akan menarik antara satu sama lain manakala jika dua magnet yang sama kutub diletakkan bersama, magnet-magnet itu akan saling menolak antara satu sama lain.

Tulis pada ruangan di bawah sama ada magnet yang ditunjukkan menarik atau menolak antara satu sama lain.



Lakukan penyiasatan di bawah. Kemudian, jawab soalan. SP7.1.5 TP5

LAPORAN PENYIASATAN I

Tajuk: Kekuatan magnet


Tujuan penyiasatan: Menentukan kekuatan magnet ke atas objek

Alat dan bahan:


- Tiga magnet ladam yang berbeza saiz
- 20 klip kertas
- Pembaris

Langkah-langkah:


1. Klip kertas dimasukkan ke dalam satu bekas.
2. Magnet ladam dipegang pada ketinggian yang telah ditetapkan. Klip kertas yang tertarik pada magnet dikira.
3. Langkah 2 diulang dengan menggunakan magnet ladam yang lain. Ketinggian setiap magnet adalah sama.



Keputusan:



Magnet X



Magnet Y



Magnet Z

Soalan:

Berapakah bilangan klip kertas yang dapat ditarik oleh magnet berikut?

1. Magnet X: _____

2. Magnet Y: _____

3. Magnet Z: _____